

SH 18/9/2019 m/s 12

Mahu Malaysia kembali menjadi pembekal ikan hiasan

SERDANG - Industri ikan hiasan negara akan diperkasakan termasuk menerusi tumpuan kepada mempromosikan ikan laga liar sebagai usaha mengembalikan Malaysia sebagai pemain utama dunia.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, Malaysia pada suatu ketika pernah menjadi pengeksport kedua terbesar dunia bagi ikan hiasan selepas Singapura, namun pada 2016 Malaysia hanya berada di kedudukan kelapan dengan Singapura kekal di tempat pertama.

"Berdasarkan keupayaan mengeluarkan sebanyak 325 juta ikan dan 112 ikat tumbuhan akuatik pada 2017, industri ini telah menjana pulangan sebanyak RM340 juta kepada negara," katanya kepada pembed



Munir (tengah) menunjukkan buku Malaysia Wild Betta Standard pada Majlis Perasmian Karnival Wild Betta Lovers Malaysia di Laman Perikanan MAEPS semalam.

rita selepas melancarkan Karnival Wild Betta Lovers Malaysia di Laman Perikanan MAEPS di sini semalam.

Beliau berkata, terdapat 548 pengusaha dan 1,433 pekerja yang terlibat dalam industri ikan hiasan negara pada masa ini. - *Bernama*